

D332

UB744 A A B
HAHATHIR - TAHBATAN R R R R

IPOH, 6 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA HENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAHAD BERKATA KEHENANGAN CALON BARISAN NASIONAL DARIPADA UMNO PADA PILIHAN RAYA KECIL DEWAN UNDANGAN NEGERI KAWASAN TAMBATAN MENUNJUKKAN BAHAWA KEADAAN PARTI ITU DI NEGERI JOHOR KHUSUSNYA, SUDAH PUN PULIH.

PERDANA HENTERI JUGA HENGAITKAN KEJAYAAN ITU KEPADA SEMANGAT KERJASAMA YANG BAIK ANTARA PARTI-PARTI KOHPONEN BARISAN NASIONAL DALAH HENGGERAKAN JENTERA PILIHAN RAYA BARISAN NASIONAL.

BELIAU MEMBERITAHU PEHBERITA DEHIKIAN SEBAGAI MENGULAS MENGENAI KEPUTUSAN PILIHAN RAYA KECIL ITU, SELEPAS MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN GOPENG, DI GOPENG KIRA-KIRA 17 KM, DARI SINI HARI INI.

DATUK SERI DR HAHATHIR BERKATA SOKONGAN KAUM-KAUM LAIN KEPADA BARISAN NASIONAL ADALAH BAIK HINGGA HEHBERIKAN +KEMENANGAN YANG JELAS WALAUPUN HANYA 63 PERATUS DARIPADA KESELURUHAN PEMILIH KELUAR MENGUNDI+.

KETIKA HERASHIKAN HESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN ITU, DATUK SERI DR HAHATHIR YANG JUGA PENERUSI BARISAN NASIONAL BERKATA, ANGGOTA UMNO HARUS HENGAHBIL PENGAJARAN-DARIPADA KEMENANGAN ITU BAHAWA +PEREBUTAN DALAM PARTI AKAN H A N Y A MENGAKIBATKAN KEKALAHAN+.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MEHBERITAHU PEMBERITA BAHAWA BELIAU BERPUASHATI DENGAN KEMENANGAN ITU DAN KERJASAMA YANG DITUNJUKKAN OLEH KOHPONEN-KOHPONEN BARISAN NASIONAL. -- LAGI

1850MST 06 08 89

D372

R B746 A A B
HAHATHIR - TAHBATAN 2 IPOH R R R R

DATUK SERI DR HAHATHIR BERKATA SOKONGAN BAIK DARIPADA SEMUA KAUM. TERHADAP BARISAN NASIONAL ADALAH HASIL KERJA KERAS PENGARAH PILIHAN RAYA PARTI TAN SRI HUHYIDDIN YASSIN, YANG JUGA MENTERI BESAR JOHOR DENGANDIBANTU OLEH SETIAUSAHA AGUNG UMNO DATUK MOHAMED RAHMAT.

+KEHPEN YANG DIJALANKAN OLEH TIHBALAN PERDANA MENTERI ENCIK GHAFAR BABA DAN PEMIMPIN-PEMIMPIN LAIN BARISAN NASIONAL JUGA MEMBANTU MEHASTIKAN KEHENANGAN BARISAN NASIONAL, + KATA BELIAU.

+SAYA HENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA MEREKA DAN PENYOKONG BARISAN NASIONAL KERANA HEHILIH WAKIL RAKYAT YANG BOLEH BERKHIDMAT KEPADA MEREKA, + SAHBIL HENAHBAH KATA BAHAWA BELIAU BUKANLAH ORANG YANG HARUS DIBERI PUJIAN ATAS KEHENANGAN ITU.

KATANYA, PUJIAN DAN UCAPAN TAHNIAH ITU HARUS DIBERIKAN KEPADA HEREKA DAN PARA PEHIHPIN BARISAN NASIONAL LAIN YANG TELAH BERTUNGKUS-LUMUS SERTA PARA PENGUNDI YANG TELAH MEMBUAT KEPUTUSAN YANG BIJAK.

DITANYA SAHA ADA KEHENANGAN BARISAN NASIONAL BERMAKNA KELUNTURAN PENGARUH PARTI SEHANGAT 46, BELIAU, BERKATA +MEREKA BOLEH BUAT PENILAIAN SENDIRI+. -- LAGI

2007HST 06 08 89

0338

U B748 A A B
MAHATHIR - TAMBATAN 3 IPOH R R R R

+BAGI KITA, RAKYAT TIDAK MENERIMA CADANGAN KUMPULAN ITU UNTUK MEUJUJUDKAN SEBUAH KERAJAAN YANG LEMAH, ASALKAN ORANG TERTENTU DAPAT MENJADI PERDANA MENTERI,+ TAMBAH DATUK SERI DR MAHATHXR.

KERAJAAN YANG LEMAH KATA BELIAU, TIDAK AKAN DAPAT MEMBENTUK DAN MELAKSANAKAN DASAR-DASAR TETAPI BAGI KUMPULAN TERSEBUT, INI TIDAK PENTING KERANA PADA MEREKA YANG PENTING IALAH UNTUK MENJADI PERDANA MENTERI.

+KALAU UMNO BERPECAH DAN MENJADI LEMAH MEREKA TIDAK PEDULI, KERANA MUNGKIN TUKANG YELEK TELAH MENGATAKAN ORANG TERTENTU AKAN MENJADI PERDANA MENTERI, JADI MEREKA TERUS BERSIKAP BEGITU,+ TAMBAH BELIAU.

MENGENAI PILIHAN RAYA KECIL DEWAN UNDANGAN NEGERI KAWASAN TERUNTUM, BELIAU YAKIN YANG BARISAN NASIONAL AKAN JUGA MENGEKALKAN KERUSI ITU, KERANA MENURUTNYA BARISAN NASIONAL +TIDAK MENGHADAPI TENTANGAN DARIPADA PARTI PEMBANGKANG+.

BELIAU BERKATA DAP TIDAK BERANI UNTUK BERTANDING DI KAWASAN ITU WALAUPUN ADA ORANG DARIPADA PARTI ITU INGIN MENJADI CALON. -- LAG1 1904MST 06 08 89

0347

U B756 A A B
MAHATHIR - TAMBATAN 4 IPOH R R R R

MENGENAI +POST MORTEM+ KE ATAS KEKALAHAN BARISAN NASIONAL PADA PILIHAN RAYA KECIL DEWAN UNDANGAN NEGERI KAWASAN TELUK PASU JUN LEPAS, BELIAU BERKATA KAJIAN MASIH DIJALANKAN, TETAPI DARIPADA MAKLUMAT AWAL MENUNJUKKAN ADA BERLAKU SEDIKIT PERPECAHAN DI KALANGAN ANGGOTA UMNO, DI TELUK PASU KERANA TIDAK PUASHATI DENGAN PEMILIHAN CALON.

MENGENAI CADANGAN PINDAAN AKTA PILIHAN RAYA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KAJIAN MENGENAINYA MENGAMBIL MASA KERANA IA BUKAN SAHAJA MELIBATKAN AKTA ITU TETAPI JUGA PERUNTUKAN-PERUNTUKAN DALAM PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN.

+KITA MEMANG BERHAJAT UNTUK MEMBUAT PINDAAN INI SUPAYA PEMBAZIRAN TIDAK BERLAKU. PINDAAN ITU DITUJUKAN KEPADA WAKIL-WAKIL RAKYAT YANG SENGAJA MELETAKKAN JAWATAN DAN KEMUDIAN BERTANDING SEMULA UNTUK MENGUJI POPULARITI MEREKA,+ KATANYA.

PILIHAN RAYA KECIL KAWASAN TAMBATAN DAN TERUNTUM TIDAK TERMASUK DALAM KATEGORI ITU KERANA DIADAKAN OLEH SEBAB-SEBAB YANG LAIN, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DI BAWAH, CADANGAN PINDAAN ITU, WAKIL RAKYAT YANG MELETAKKAN JAWATAN SEMATA-MATA UNTUK MENGUJI POPULARITINYA, TIDAK AKAN DIBENARKAN UNTUK BERTANDING SEMULA.

+APABILA SESEBUAH KERUSI DIKOSONGKAN, PILIHAN RAYA KECIL AKAN TETAP DIADAKAN KERANA RAKYAT DI KAWASAN BERKENAAN PERLU DIWAKILI, TETAPI ORANG YANG SENGAJA MELETAKKAN JAWATAN TIDAK DIBENARKAN BERTANDING SEMULA,+ TAMBAH BELIAU. -- BERNAMA

1920MST 06 08 89